

24/02/2000

Puisi Kuantan: Di mana penyair veteran?

Atondra

SEBAIK selesai tugas pada kuliah diploma homeopati di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, siswa masih belum pulang - masih ngobral dengan teman doktor homeopati dari Singapura, belum pun sempat melihat wajah isteri dan anak-anak, Setiausaha Pena, Sutung Umar RS sudah sampai di lobi hotel mengajak segera ke acara Baca Puisi Kuantan.

"Mesti berangkat sebelum pukul 3. Kalau lambat tidak boleh sampai. Exco dulu sampai," kata Sutung mengangkat-angkat bahu kanannya yang tergeliat. Terlalu banyak memandu kereta atau mungkin terlebih tidur.

Kuala Lumpur ke Kuantan 261 kilometer. Pergi balik 522 kilometer. Seperti satu perjalanan ke Kangar atau Port Klang ke Alor Star. Perjalanan paling cepat 4 setengah jam. Ke Kuantan, meskipun bertaraf lebuhraya, pemandu tak boleh raya sakan. Hanya dibenarkan 90KM sejam. Itu had laju kebangsaan. Beberapa tempat kereta ronda polis menunggu untuk mencatat kereta lumba.

Ada pondok polis, apatah lagi kalau memang ada polis, pemandu nampaknya jauh lebih sopan. Tak ada curi-curi pecut. Begitulah, termasuk juga kami. Sampai di Kuantan azan Maghrib berkumandang dari puncak menara Masjid Besar dekat Lapangan Terbang.

Siapa pun apabila masuk ke negeri Pahang, terasa tenang dan segar. Mana tidaknya, saujana mata melihat kehijauan, sama ada hutan hijau mahupun ladang yang mengeluarkan hasil yang bukan sedikit. Hutan pun banyak balaknya. Suhu tanah datarnya segar dan menyegarkan. Lebih selesa membuka cermin kereta menyedut udara bersih, daripada duduk dalam hawa dingin.

Sampai di Kuantan baru mata rasa pedih, pastinya karbon monoksida telah merubungi ibu kota Darul Makmur ini.

Dalam perjalanan tadi, syahdu melihat bias sinar infra senja jatuh menyembunyi diri di sebalik Banjaran Titiwangsa. Tanah air sendiri memang tersangat cantik. Langit wilayah Kuantan gelap, semacam mahu hujan, tetapi wajah bulan merekah 8 Zulkaedah 1420 kelihatan menyerlah berlindung di sebalik bayang awan.

Angin dingin campur garam Laut China Selatan menyimpuh sekeliling diri. Badan serasa bergetah, lekit. Ketika singgah di Maran, hendak cuci muka pun sukar dapat air. Maran memang susah air, terang tuan punya gerai sup tulang. Lalu cari peluang dan ruang mandi di Pejabat Kebudayaan, Kesenian Negeri, Jalan Teluk Selisik. Selepas sedikit terkena air, badan terasa sesegar rasa.

Lama juga tak ke Kuantan. Terakhir 1995. Menemui isteri sedang kursus jabatan di IKIP. Lima tahun Kuantan sudah banyak berubah. Walaupun baru beberapa bulan menjawat kerusi Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob barangkali sudah lama merancang mengindahkan ibu negeri Darul Makmur itu.

Baca Puisi Kuantan (13 Februari) ini, mengimbau kenangan lama tahun-tahun 70-an dulu. Ketika bertugas sebagai setiausaha akhbar Menteri Kebudayaan waktu itu. Saban bulan ke Kuantan bersama Datuk Ali Ahmad (Allahyarham) dan Datuk Abdul Samad Idris (Tan Sri).

Kesempatan itu diguna menemui teman-teman penulis. Penyair Yassin Salleh masih bertugas sebagai guru di SK Teruntum. Aripin Said (sekarang pensyarah di UPM) AJK Pena, mengajar di Terangganu. Mereka itu akan datang ke Kuantan apabila tahu saya ke sana. M Asyikin masih di Pekan datang juga bertemu apabila diberitahu ada lawatan menteri ke Pahang. Sekarang M Asyikin sudah jadi profesor (Datuk Dr Mohd Mansur Abdullah).

Tak lepas bertemu juga dengan penyair Mohd Noor Ismail (dulu di Yayasan

Permodalan Pahang). Pernah mengikuti bengkel penulisan kreatif Pena. (April 1972) bersama Nur Dzai, Bayu Timur, Hafsa Hassan, Mahaya Mohd Yassin, Ahmad Razali dan ramai lagi termasuk Abdul Ghani Abdullah.

Pengerusi MAYC Pahang dan pelakon drama TV, Sheikh Badar dulu sering bertemu, makan ikan bakar di Peramu atau menyedut angin pantai di Teluk Cempedak. Suatu waktu menghantar saya ke Istana Abu Bakar di Pekan kerana menerima anugerah daripada Sultan.

Di mana Mohd Noor Ismail, mana Nur Dzai, mana Bayu Timur sekarang? Payah dikesan, namun puisi mereka terhimpun bersama antologi Simpati dan Impeti terbitan Pena. Mohd Noor Ismail menguruskan penjualannya. Hasil keuntungan didermakan kepada JM Aziz (Jiwa Merana) Terengganu. Ketika itu (1972) sedang uzur.

Mungkin melalui acara Baca Puisi Kuantan ini dapat menemukan kembali antara kita. Walaupun tidak sebagai pendeklamator, barangkali dapat sebagai penonton. Memberi semangat kepada penyair muda, pada usia lansia kita yang sudah di penghujung ini.

Sepanduk-sepanduk putih memberitahu tentang Baca Puisi Kuantan dengan menyenaraikan nama penyair undangan, digantungkan merentang beberapa persimpangan jalan. RTM Kuantan juga bekerjasama mempromosikan acara tersebut.

Menurut Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Pahang, Abdul Hamid Mahamad, Malam Baca Puisi Kuantan anjuran jabatannya telah diadakan sebanyak enam kali sejak Mei hingga September 1999.

Abdul Hamid yang baru setahun berkhidmat di Pahang, mengakui selama ini amat kurang penyair veteran negeri Pahang tampil ke pentas Baca Puisi Kuantan memeriahkan acara. Kecuali biduanita Datin Rafeah Buang, Tengku Datuk Alauddin, Dzulkifli Ismail dan Yaakob Isa daripada DPMP.

Secara berseluruh, Dzulkifli Ismail (bekas guru) menyebutkan DPMP (Dewan Persuratan Melayu Pahang) sebagai Dewan Perniagaan Melayu Pahang. Mungkin maksudnya ingin menyatakan kebanyakan ahli DPMP sudah menjauh diri dengan bidang puisi/sastera, mereka kini sudah jadi usahawan seperti Dzulkifli sendiri.

Walaupun sudah menjadi usahawan, Dzulkifli kini Timbalan Pengerusi Majlis Kebudayaan Negeri (MKN) Pahang sempat mendeklamasi dua puisi 'Rindu' (daripada antologi Arafah II) dan 'Menjunjung Martabat Pahang' karya Nor Afliza Arshad, johan sayembara deklamasi puisi peringkat Kebangsaan (1999) kelolaan Gapena.

Pada Dzulkifli, saya bertanyakan Abah, panggilan mesra penyair veteran Sahmad Malaya. Dzul kata Abah di Temerloh. Dengar DPMP Temerloh pun hendak adakan acara baca puisi. Aduh! Hebat sekali. Nampaknya Pahang tidak sahaja mengorak langkah, tetapi mengghairahkan sama daerah-daerahnya yang luas. Tahniah Abah.

Apa kurangnya Pahang. Dengan muka bumi yang pelbagai dan keluasan tanah terbesar di Semenanjung Malaysia (35,960 kilometer persegi), Pahang bukan saja mampu menyediakan kemudahan menarik pelancong datang, malah mampu memberi 'rasa senang dan intelek' kepada penggemar sastera dan ahli budayanya.

Baca puisi di Temerloh nanti, boleh mengundang Menteri Besar mendeklamasikan puisi. Saya yakin YAB itu boleh. Apa kurangnya beliau, bekas guru. Guru memang serba boleh. Semoga Datuk Seri berasa terpanggil membaca dan menghayati puisi nanti.

Kerja terus menerus, baik secara serius dan tercabar akan menghadapi risiko tinggi (demikian mengikut falsafah ilmu perubatan homeopati). Sesekali otak dan diri harus direhat dan disantakan dengan santapan rohani dan suasana informal, seperti baca-baca puisi di luar kawasan sambil minum-minum teh tarik dan ngobrolan santai. Melupakan beban berat kerja rutin dan segala undangan berprotokol.

Penyair muda Marsli NO dan Sutung Umar RS bergilir-ganti membacakan puisi-puisi sendiri dan puisi Datuk Ahmad Sebi diangkat dari antologi Surat Kepada Mahathir. Marsli juga baca puisi daripada antologi Penyerahan Dua berjudul 'Segala'. Kupisahkan kasih tercinta, di bawah peliharaan-Mu. Segala.

Exco Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Pahang, Datuk Maznah Mazlan, walaupun tiba lewat, tetapi setia menunggu acara selesai. Beliau baca puisi ciptaannya (tak sempat catat judul puisinya) kerana tertekun akan kelancarannya berucap tanpa teks.

Maznah meyakinkan penyair Pahang untuk ikut menyebarkan kegiatan baca puisi ke daerah-daerah.

"Naluri manusia penyair begitu halus dan sensitif," kata YB Maznah dalam nada suara wanita pendidik dan pejuang. Pemimpin muda Darul Makmur ini ada irasan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman (Ketua Wanita Umno Malaysia), tudung tak lepas membungkus kepala.

Wajah wanita bertudung pasti menawan. Ada umphya. Terasa pada diri lelaki 62, exco wanita ini baru menujuh usia 30-an. Sedang Menteri Besarnya demikian juga. Pastinya tenaga dan fikiran muda ini dapat bertahan lama. Pasti pula dapat menyalurkan sebesar harapan kepada ahli seni dan budaya Pahang.

Pengakuan Maznah sendiri ketika semeja menjamu tekak, setelah usai persembahan Baca Puisi itu. "Berilah kerjasama dan bantu saya. Insha-Allah saya lakukan yang baik dari terbaik untuk perkembangan seni budaya di Pahang," katanya meyakinkan.

Beliau juga menerima pakai cadangan saya agar Pahang mewujudkan anugerah budaya kepada tokoh dan pengamat seni, pelbagai bidang budaya di Pahang. Sebagaimana pernah dibuat di Selangor, Johor, Kedah dan Perlis.

Mengiktiraf tokoh seni dan budaya, menganugerahkan gelar sama ada Citra Budaya atau Tokoh Budaya Negeri atau apa saja dengan imbuhan wang sesuai dan berpada dengan peranan dan perjuangan penerimanya.

Beliau juga menerima pakai dan bersetuju pada cadangan Sutung untuk mengadakan ekspedisi mengesan jejak Mat Kilau dari Pahang ke Kelantan.

Kalau ini menjadi kenyataan, menumpang banggalah kita, dapat melihat teman-teman ahli budaya dan sastera negeri Pahang mendahului negeri lain diangkat jasanya yang terabai selama ini ke suatu tahap nilai dan penghargaan.

Malam Baca Puisi Kuantan adalah aktiviti pertama sejak tamu baru wajah tahun 2000 menyimpuh tiba. Puncaknya digemakan dengan petikan gitar dan nyanyian pengembara Sani Sudin (warga kumpulan Koprata).

Sayangnya waktu begitu cemburu dengan perbualan kami semesra teman-teman sepermainan. Tidak semacam ada garis sempadan pemisah antara rakyat dan YB. Sebelum menaiki kenderaan rasminya, Maznah sempat menghulur salam perpisahan sambil beliau berpesan agar jangan serik datang ke Pahang.

Dalam perjalanan pulang 4.30 pagi tiba di rumah, saya teringat kata-kata Maznah kembali; menempuh laluan hidup harian banyak hal berlaku tanpa disedar sekitar diri seseorang. Hal-hal tersebut berlalu begitu saja tanpa dihargai. Tetapi penyair tidak. Penyair dapat merasa dan terpanggil merakamkan ke kertas. Kemudian menjadi khazanah yang amat bernilai di persada sastera dan budaya bangsa.

Ternyata ramai sekali penyair veteran Pahang menghilang. Sahmad Malaya sesekali muncul juga. Mohd Noor Ismail ke mana? Masakan tinggal di Kuantan tidak jenguk Baca Puisi di Taman Budaya?

Dr Mohd Mansor Abdullah jauh di Skudai. Aripin Said di Kuala Lumpur. Aripin pada mulanya janji mahu datang juga ke Kuantan bawa rebananya. Tetapi tak sampai. Mungkin bulan hadapan Aripin memeriahkan Baca Puisi Kuantan ini.

Dengar khabar Aripin baru menikah, bawalah isteri baru anda. Penyair

Ahmad Razali mula nak datang ke Kuantan, tidak tiba. Barangkali tak dapat lepas. Tak dapat izin isteri agaknya.

Pencipta lagu (termasuk lagu puisi) Ibrahim Bachik juga bercadang mahu datang. Mahu jumpa Datin Rafeah Buang yang banyak menyanyikan lagu ciptaannya. Macam tahu-tahu Datin Rafeah tidak datang, Ibrahim pun tidak datang.

Sebelum acara Baca Puisi Kuantan bermula, sementara menunggu tetamu tiba, kami berdua mencari pengalas perut di Sudut Cafe Dee, persimpangan Teluk Sisik ada gerai nasi lemak. Ramai pelanggan menyimpuh termasuk warga Filipina dan Korea yang bertugas di kilang kimia di Gebeng. Untuk memanas badan kami memesan teh ginseng.

Pulang ke Taman Budaya. Kerusi plastik merah yang disediakan di dataran Taman Budaya itu sudah dipenuhi tetamu. Dua buah bas berlabuh. Pelajar dari Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah di bawah pimpinan gurunya, Hamir Habeed Mohd, memenuhi sebahagian kerusi tamu.

Mereka berpakaian seragam batik sutera kuning. Sementara sebahagian tamu lagi pelajar wanita dari Maktab Rendah Sains Mara, semua bertudung putih.

Mengepoh dan mengacara Baca Puisi Kuantan, Marsli salah seorang daripada sasterawan muda Angkatan 21. Angkatan ini diwujudkan pada 4 Jun 1999, rumah Pena di Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur merakamkan sejarah menghimpunkan 23 sasterawan muda itu.

Jumaat 3 Mac 2000 mendatang, Ahli Angkatan 21 ini akan menggegarkan Rumah Pena. Gegarnya bukan sebarang gegar. Kita lihat sendiri nanti: Bicaranya pasti dalam satu bahasa. Tandaknya dalam suatu tarian. Gema suaranya dalam satu debat dan nyanyianya dalam suatu irama. Datanglah beramai-ramai memeriahkan.

Kepoh Marsli menjadi. Dia mengundang ramai penyair membaca puisi, termasuk pelajar dari dua sekolah sains di Kuantan.

Memulakan baca Puisi Kuantan, Hamir Habeed Mohd mendeklamasikan puisinya sendiri, kemudian diikuti baca puisi dalam bahasa Jepun berjudul Yameroo Yameroo kono sensoo bermaksud Perang pun menyambar dari bara-bara dendam.

Ramai juga penyair datang memeriahkan, tetapi belum berpeluang baca puisi. Mohd Azli Lee Abdullah, baru bertukar ke Pekan datang membawa empat tamu, iaitu anak-anak dan isterinya. Bagus Lee merangsang anak-anak meminati puisi.

Menurut Mohd Azli Lee, kononnya Awang Abdullah pun hendak datang dari Terengganu, tapi belum mendapat izin Allah. Cerpenis A Rahman Yusof, Daing Ramli Akil juga datang tapi tak baca puisi. Jangan serik. Datang lagi bulan depan.

Ramli Yahya dari Maran baca puisi Ahmad Sebi berjudul Demonstrasi. Majlis Baca Puisi dikira meriah, muzik Taman Seni memperkenalkan beberapa pemuzik dan penyanyi berbakat. Kumpulan Nazam Taman Budaya baru ditubuhkan menyampaikan beberapa lagu berunsur nasihat. Kini nazam tidak saja terdapat di Melaka, sudah merebak ke Pahang.

Memang dari dulu lagi, setiap yang ada di Melaka akan sampai ke Pahang. Seperti seni kata lagu Joget Pahang (P Ramlee). Kerana di Pahang juga ada Tun Tijah. Ada Siti Norhaliza.

Pahang juga terkenal di Bandar Aceh. Dibina dan mengekalkan istana dan Sungai Pahang.

(END)